

# Lebih 500 warga UNISSA hadiri ceramah khas

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi



PENCERAMAH bebas dari Republik Indonesia, Profesor Dr. Ustaz Abdul Somad.

GADONG, Selasa, 28 Januari. - Pelajar yang cemerlang adalah pelajar yang mampu memberikan sinar dan cahaya serta penyuluhan dalam kegelapan. Sehubungan itu,

terdapat empat ciri penting yang perlu ada dalam diri seorang pelajar cemerlang iaitu akidah yang kukuh menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah serta mengamalkan amalan ibadah yang betul.

Selain itu, seorang pelajar yang cemerlang akan sering memanfaatkan ilmu melalui penulisan sebagai sebuah wadah dakwah dan ikhlas memanfaatkan ilmu tersebut dengan niat kerana Allah Subhanahu Wata'ala agar ia boleh dimanfaatkan oleh orang lain.

Perkara itu merupakan inti pati beberapa perkongsian yang disampaikan oleh penceramah bebas dari Republik Indonesia, Profesor Dr. Ustaz Abdul Somad yang telah diadakan di Dewan Auditorium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bersempena dengan memperingati penubuhan UNISSA Ke-13.

Penceramah bebas tersebut turut mengingatkan kepada pelajar supaya perlu ada keseimbangan dalam mencari tuntutan duniaawi dan ukhrawi.

Seramai lebih 500 mahasiswa dan mahasiswi serta pensyarah dari UNISSA menghadiri ceramah tersebut di mana turut dihadiri oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfian bin Haji Zainal.

Ceramah tersebut diadakan untuk memberikan motivasi kepada pelajar dalam mengikuti pengajian di UNISSA untuk sentiasa tekun dan tidak mudah terpengaruh dengan fahaman-fahaman yang menyesatkan.

Terdahulu, di ruang lain UNISSA telah menyaksikan Majlis Penyerahan Surat Lantikan Profesor Dr. Ustaz Abdul Somad sebagai Profesor Kunjungan di Fakulti Usuluddin, UNISSA yang telah disempurnakan oleh Rektor



REKTOR UNISSA semasa menyampaikan surat lantikan Profesor Dr. Ustaz Abdul Somad sebagai Profesor Kunjungan di Fakulti Usuluddin, UNISSA.

UNISSA.

Rekor UNISSA semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya juga berharap melalui pelantikan bagi tempoh dua tahun tersebut bermula pada 1

Januari 2020 hingga 31 Disember 2021 akan dapat membantu UNISSA dalam menjayakan misi dan visi ke arah sebuah universiti Islam yang terunggul di rantau Asia.



SEBAHAGIAN daripada mahasiswa UNISSA yang hadir mendengarkan ceramah (atas dan kanan).



## Pemangkin memantapkan kualiti dan jati diri



Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani

**B**AGI mencapai kesejahteraan dan keamanan sesebuah negara bukan mudah malah ia memerlukan semangat dan kerjasama erat daripada semua pihak terutamanya pasukan-pasukan keselamatan yang diberikan amanah untuk mempertahankan kedaulatan raja, agama, bangsa dan negara.

Dalam hal ini Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) merupakan pasukan keselamatan negara yang bertanggungjawab dalam memastikan keamanan dan kesejahteraan negara terjamin.

Dengan adanya bangunan baharu Akademik Pertahanan (AP ABDB) di Kampung Tanah Jambu yang telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Khamis, 28 April 2016, ia telah mengalami pelbagai perkembangan yang signifikan selain sebagai sebuah *centre of excellence* yang cemerlang dan dikenali untuk melahirkan pemimpin-pemimpin tentera yang berwibawa dan berkaliber.

Dengan penempatan baharu tersebut, latihan dan pembelajaran akan dapat dilaksanakan dalam suasana yang lebih kondusif dan moden, di samping untuk melahirkan pemimpin-pemimpin tentera yang berwibawa dan berkaliber yang mampu untuk menanai tanggungjawab yang besar dan siap sedia untuk berhadapan dengan cabaran getir pada masa akan datang.

Perkara ini selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika bertitah pada Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-18, Sekolah Pegawai Kadet yang berlangsung di Padang Kawad AP ABDB,

Kampung Tanah Jambu baru-baru ini.

"Dalam usaha meningkatkan imej dan kredibiliti, Sekolah Pegawai Kadet perlu meneruskan Program-program Latihan Bersama, Lawatan dan Pertukaran Pegawai Kadet dengan Sekolah Pegawai Kadet di luar negara. Pengalaman yang diraih semasa latihan, lawatan dan pertukaran ini tentu saja mampu menjadi pemangkin kepada Pegawai Kadet untuk memantapkan lagi kualiti dan jati diri mereka sebagai Pegawai Tentera. Ia juga berguna untuk meningkatkan lagi tahap profesionalisme dan kualiti seorang Pegawai Tentera, setaraf dengan piawaian Pegawai Tentera Angkatan Tentera negara-negara sahabat di rantau ini khasnya, di samping juga akan mengukuhkan lagi hubungan diplomasi pertahanan".

Alhamdulillah sejak 10 tahun penubuhannya, Sekolah Pegawai Kadet, AP ABDB telah berjaya melahirkan seramai 523 Pegawai Tentera yang bertauliah, yang mana sebilangan mereka ini memegang jawatan-jawatan penting di

dalam ABDB. Di samping itu, ada juga di antara mereka berkhidmat di Sekolah Pegawai Kadet sebagai Intake Commander.

Dengan adanya AP ABDB ini juga, latihan dan pembelajaran akan dapat dilaksanakan dalam suasana yang lebih kondusif dan moden di samping untuk melahirkan pemimpin tentera yang berwibawa dan berkaliber serta mampu untuk menanai tanggungjawab yang besar dan siap sedia untuk berhadapan dengan cabaran serta proaktif untuk sama-sama mencapai Wawasan Negara 2035.

Selain itu, AP ABDB ini juga diharaskan akan menjadi sebuah pusat pendidikan dan latihan ketenteraan yang benar-benar berjaya, sama ada secara dalaman maupun di mata luar, selaras dengan Kertas Putih Pertahanan 2011, yang mana penubuhan AP adalah satu langkah ke hadapan yang menawarkan kursus yang tersusun dan teratur untuk pegawai peringkat muda dan pertengahan di setiap langkah perkembangan kerjaya mereka.